

Penyu terperangkap diselamatkan boma

Sinar Harian 10/8/2020 m/s 28

Penyu agar betina seberat 150kg itu terperangkap di bawah timbunan pokok tumbang

CHUKAI

Anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kerteh menyelamatkan seekor penyu agar betina seberat 150 kilogram yang terperangkap di bawah timbunan pokok tumbang di Pantai Cakar Hutan, Kampung Labohan, Kerteh pagi semalam.

Pegawai Pusat Gerakan Operasi, Penolong Kanan Pengusa Bomba Terengganu, Shahrizal Shamsudin berkata, sejurus menerima panggilan kecemasan pada jam 8.20 pagi, seramai 10 anggota bersama satu jentera digerakkan ke lokasi kejadian.




FOTO: BERNAMA

“Ketika anggota kita sampai ke lokasi, terdapat seekor penyu terperangkap di bawah timbunan sebatang pokok tumbang dan pihak bomba bertindak membuat laluan keluar dan memotong pokok berkenaan menggunakan alatan pemotong kayu.

“Penyu tersebut berjaya dikeluar-

kan dan tidak mengalami sebarang kecederaan. Pihak bomba kemudian melepaskan kembali penyu itu ke laut,” katanya ketika dihubungi Bernama di sini semalam.

Shahrizal berkata, operasi menyelamat penyu terbabit selesai pada jam 10 pagi. - Bernama

Seekor penyu agar betina yang terperangkap di bawah timbunan sebatang pokok tumbang di Pantai Cakar Hutan, Kampung Labohan, Kerteh berjaya dikeluarkan dan dilepaskan semula ke laut setelah didapat tidak mengalami sebarang kecederaan.